

Melampaui Sempadan Penyelidikan Sastera: Satu Perbincangan Berdasarkan *Senja Belum Berakhir* Karya Azizi Haji Abdullah

ABDULLAH ZAWAWI MOHD HAIRANI & SHAIFUL BAHRI MD. RADZI

ABSTRAK

*Penyelidikan merupakan salah satu prasyarat penganugerahan ijazah bagi semua peringkat pengajian di universiti. Dalam konteks pengajian sastera Melayu, penyelidikan yang dihasilkan sehingga kini dapat dianggap berada di tahap yang paling rendah iaitu di tahap 'pengetahuan,' 'kefahaman' dan 'aplikasi' berdasarkan Teori Taksonomi Pembelajaran Kognitif Bloom. Fenomena ini memperlihatkan penyelidikan ini sekadar memenuhi syarat untuk mendapatkan sijil dan secara langsung merendahkan martabat sastera Melayu. Sehubungan itu, paradigma penyelidikan sastera di masa hadapan perlu diubah agar mencapai tahap 'analisis' yang menjangkau 'sintesis' dan 'penilaian' dan hasilnya dapat menyumbang kepada suatu idea yang baru. Bagi memperlihatkan peningkatan taraf sesuatu penyelidikan itu berdasarkan teori ini maka perbincangan ini menggunakan novel **Senja Belum Berakhir** karya Azizi Haji Abdullah sebagai asas perbincangan.*

*Kata kunci: penyelidikan, sastera Melayu, Teori Taksonomi Pembelajaran Kognitif Bloom, **Senja Belum Berakhir**, Azizi Haji Abdullah*

ABSTRACT

*Research is one of the prerequisites to confer a degree in all levels of tertiary education. To date, in regard to the study of Malay literature in particular, the level of research based on the Bloom's Theory of the Taxonomy of Educational Cognitive Objectives were at the lowest categories such as those of 'knowledge,' 'comprehension' and 'application.' Such phenomenon shows that the research were merely done for the purpose of getting certification, thus, diminishing the status of the Malay literature. Therefore, future paradigm of research in regards to Malay literature should be shifted to a higher objectives such as those of 'analysis,' 'synthesis' and 'evaluation' so that the findings of such research may become a contribution of a new ideas. To demonstrate that research objectives can be upgraded to higher categories, this discussion will subject Bloom's theory on Azizi Haji Abdullah's novel **Senja Belum Berakhir**.*

*Key words: research, Malay literature, Bloom's Theory of the Taxonomy of Educational Cognitive Objectives, **Senja Belum Berakhir**, Azizi Haji Abdullah*

PENGENALAN

Pengalaman dunia penyelidikan di peringkat institusi pengajian tinggi semakin berubah dengan perubahan zaman. Dunia penyelidikan semakin mencabar dengan perubahan iklim ekonomi dunia yang kini lebih mementingkan inovasi. Kreativiti bukan lagi suatu yang bersifat unik atau tersendiri. Ia kini menjadi satu keperluan dan asas kepada pencapaian seseorang mahupun negara. Kreativiti bukan hanya terbatas kepada ciptaan semata-mata tetapi meliputi segala perlakuan dan pemikiran. Kesannya kreativiti perlu wujud dengan pemikiran kreatif, kritis dan kritikal untuk memandu ke arah yang lebih produktif dan dapat dipertanggungjawabkan. Pedagogi dalam penyelidikan perlu disesuaikan dengan menyerapkan segala bentuk ilmu yang ada ketika ini agar dapat dilakarkan satu strategi melampaui sempadan penyelidikan sastera masa depan. Sesuatu pendekatan yang sesuai pada zaman ini tidak semestinya menghasilkan reaksi yang sama pada masa akan datang. Masa berubah, sekali gus menyebabkan kajian pun turut berubah dengan teori baru yang diperkenalkan. Kajian sastera berubah seiring perubahan teori bagi menjawab segala fenomena sosial yang lebih rencam. Tambahan pula, globalisasi yang berlaku menyebabkan lebih banyak maklumat mudah diakses para penyelidik. Sistem pembelajaran yang baik seharusnya mempunyai mangkin yang mampu menjana pemikiran agar melewati zamannya.

Dalam hal ini, penyelidikan sastera perlu dilakarkan semula agar ia dapat dimanfaatkan bagi keperluan zamannya dan masa akan datang serta hasilnya menyumbang kepada suatu idea yang baru sekali gus dapat mentransformasikan sastera Melayu untuk kelestarian negara bangsa. Pemikiran kritis dan kritikal kini lebih ketara keperluannya dengan adanya perubahan dasar pemimpin negara ke arah yang lebih terbuka sejak kebelakangan ini. Rakyat kini khususnya golongan sasterawan dan cendekiawan digalakkan bersuara dan mengadakan inisiatif-inisiatif sendiri dalam menggerakkan sesuatu aspirasi. Keadaan seumpama ini memerlukan mereka yang mampu berfikir dan menilai sesuatu tindakan agar tidak merugikan diri dan negara. Maka, pemikiran kreatif, kritis dan kritikal perlu menjadi asas kepada semua proses pemikiran sebelum kreativiti unggul dapat dilahirkan. Bagi perbincangan dalam artikel ini, novel *Senja Belum Berakhir* karya Azizi Haji Abdullah¹ dirujuk dan dianalisis menerusi Teori Pembelajaran Taksonomi Bloom. Kajian ini diharapkan mampu menjana pemikiran kreatif, kritis dan kritikal diri penyelidik melampaui sempadan penyelidikan sastera Melayu yang lebih berani dan integrati.

PENYELIDIKAN SASTERA GAYA KONVENSIONAL


Menjelang dekad 60-an berlaku perubahan yang lebih positif dalam dunia kesusasteraan Melayu. Kritikan sastera juga mengalami kesan yang sama. Kritikan pada tahap ini lebih berdisiplin dan sering menjadikan teori formalistik sebagai asas perbincangan dalam banyak ulasan teks sastera². Antara tokoh yang pernah menjuarai bidang ini adalah Yahya Ismail, Nurazmi Kuntum, Mohd Noor Azam dan Ali Haji Ahmad. Penyelidikan berlandaskan teori ini mendapat liputan meluas bukan sahaja di sekolah-sekolah menengah bahkan hingga ke peringkat universiti. Malangnya, penyelidikan sastera peringkat asas prasiswazah dan kadangkala hingga pasca siswazah hari ini masih terbawa-bawa gaya konvensional tersebut. Mereka masih didedahkan kepada bentuk yang terdapat dalam sebuah karya seperti tema, persoalan, watak, plot, latar, gaya bahasa dan sudut pandangan serta nilai. Melalui pendekatan ini, mereka seharusnya mampu mentafsir struktur sesebuah karya setelah diperkenalkan dengan konsep-konsep yang membentuk struktur tersebut. Pendekatan seumpama ini menghasilkan dua implikasi. Pertama, penyelidikan sastera menjadi kurang menarik dan bersifat stereotaip kerana aras pembelajaran mereka rendah masih ditahap pengetahuan, kefahaman dan aplikasi. Pembelajaran sastera menjadi kurang mencabar, kurang relevan dengan keperluan zaman dan masih di kepompong lama. Kedua, penyelidik yang lahir daripada proses pembelajaran sastera seumpama ini kurang peka akan kepentingan genre sastera, kurang menghayati karya, sekadar strukturnya dan matlamat pengajian sastera semata-mata mendapatkan segulung sijil.

DESAKAN KE ARAH PEMIKIRAN KREATIF, KRITIS DAN KRITIKAL

Di negara ini, banyak karya yang dihasilkan memantulkan realiti kehidupan masyarakat seperti yang diilhamkan oleh Azizi Haji Abdullah melalui proses pembacaan mahupun pengalaman. Keadaan ini menimbulkan banyak karya yang terfokus kepada perihal kehidupan desa atau kota di sekitarnya. Maka membaca karya, seumpama ini lebih bersifat menaakul diri sendiri kerana segala yang berlaku itu dapat dihayati bersama. Dalam mempersiapkan diri memasuki era sastera sarwajagat, penyelidik perlu meninjau lebih jauh daripada perkara yang ada di hadapannya. Karya yang lebih intelektual perlu dikupas agar menyerlah keintelektualismenya. Karya kreatif seharusnya membuat pembaca terfikir sejenak dan ingin mengubah haluan kepada yang lebih progresif.

Pendekatan ini boleh dirumuskan sebagai penghayatan berlandaskan pemikiran kritikal. Ini penting kerana masyarakat sastera Melayu umumnya kurang terdedah kepada teknik pemikiran tajam seperti kreatif, kritis, kritikal dan penilaian radikal. Hal ini tidak menghairankan kerana sistem penyelidikan selama ini dibentuk sedemikian rupa sehinggakan ia lebih bersifat tersurat semata-mata kerana berlandaskan prinsip struktural. Sistem yang berakar umbi sejak puluhan tahun ini tidak mampu bertahan lagi dalam dunia tanpa sempadan kerana kehadiran fenomena kosmopolitan. Sekiranya, penyelidikan di universiti masih dibelenggu cara penghayatan atau penyelidikan karya sastera era prakosmopolitan, penyelidik akan ketinggalan zaman atau akan lebih pesimistik. Senario ini tidak akan menyumbang kepada idea yang baru malahan menggugat usaha-usaha mentransformasikan sastera Melayu untuk kelestarian negara bangsa. Sehubungan dengan itu, anjakan paradigma penyelidikan sastera Melayu di masa hadapan perlu diubah agar mencapai tahap analisis, sintesis dan penilaian. Teori Bloom ini menggambarkan suatu proses pembelajaran dari peringkat mudah bergerak ke peringkat kompleks iaitu cara untuk penyelidik memproses sesuatu maklumat sehingga dapat dimanfaatkan dalam kehidupan sehari-hari (Rajah: 1). Beberapa prinsip di dalamnya adalah:

1. Sebelum penyelidik memahami suatu konsep maka ia harus mengingatnya terlebih dahulu
2. Sebelum penyelidik menerapkan (aplikasi) maka ia harus memahaminya terlebih dahulu
3. Sebelum penyelidik menilai hasilnya maka ia harus membuat analisis terlebih dahulu
4. Sebelum penyelidik mencipta sesuatu maka ia harus mengingat, memahami, mengaplikasi, menganalisis dan menilai serta memperbaharui.



Rajah 1. Aras kemahiran Taksonomi Bloom³

Satu contoh yang dibincangkan oleh Hanapi Dollah (Hashim Awang et al. 1988: 249-250) menjelaskan bahawa cerita jenaka Mat Jenin adalah sebuah kisah ilmu kira-kira atau matematik yang mudah. Mat Jenin mengira-ngira pendapatan dan kekayaannya semasa dia sedang memanjat pokok kelapa. Buah kelapa itu akan diperolehinya nanti sebagai upah lembu. Selepas lembu-lembu itu membesar dan dijual, beliau akan memulakan perniagaan. Perniagaan yang berkemahiran kecil pada mulanya akan diperbesarkan sehingga dia menjadi saudagar yang kaya raya. Kekayaan yang diperoleh, membolehkan Mat Jenin berkahwin dengan puteri raja dan menjadi menantu raja.


Dari perspektif antropologi pula, dapat disimpulkan bahawa orang Melayu zaman dahulu adalah berbeza daripada yang ditanggapi masyarakat barat. Menurut ahli antropologi bernama Robert Redfield (1930) dan Foster (1962), para petani mempunyai pemikiran yang tidak kreatif dan bersifat menyerah (fatalistik). Tanggapan ini sebenarnya, tidak menepati kemampuan Mat Jenin yang sangat kreatif dan bersemangat keusahawanan. Begitu juga dengan Pak Kaduk. Dia merupakan seorang yang mempunyai firasat. Pak kaduk mempertimbangkan kemungkinan yang bakal diperolehi dari suatu usaha atau tindakan (Sahlan Mohd Saman & Shaiful Bahri Md. Radzi 2005: 32-34). Idea atau perkiraan seumpama ini juga digunakan dalam bidang perniagaan insuran zaman ini.

PEMIKIRAN KREATIF, KRITIS DAN KRITIKAL (KONSEP 3K)

Pemikiran kreatif, kritis dan kritikal sebenarnya tidak boleh dipisahkan kerana pemikiran kritikal adalah komponen utama dalam pemikiran kreatif dan kritis. Pemikiran kreatif pula merujuk kepada penghasilan sesuatu yang baru atau alternatif kepada perkara yang sedia ada. Proses kreatif sebenarnya adalah proses pemikiran kritikal kerana kreativiti memerlukan pemikiran kritikal untuk mencetuskan idea baru dalam menghasilkan sesuatu. Perbincangan pada bahagian pemikiran kreatif menurut Tynan (2004: 106-108) memerlukan penyelidikan menyentuh aspek-aspek berikut iaitu pemikiran kritikal, menggunakan ilmu pengetahuan yang sedia ada dan meneroka cara-cara baru berfikir. Pemikiran kritis pula merujuk proses kecekapan dan keupayaan menggunakan minda untuk menilai kemunasabahan dan kewajaran sesuatu idea, meneliti kebernasan dan kelemahan sesuatu hujah, dan membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti. Konsep ini saling melengkapi antara satu sama lain, melalui pemikiran kritikal akan lahir sesuatu yang baru daripada

proses kreativiti. Fisher dan Seriven (1997: 21) mengkonsepsualisasikan pemikiran kritikal sebagai, “*Critical thinking is skilled and active interpretation and evaluation of observation and communications information and argumentation*”. Berfikir secara kritikal merujuk kepada kemampuan untuk membuat penilaian ataupun kritikan terhadap sesuatu perkara dengan harapan memperbaikinya atau menambah nilai kepada perkara tersebut.

Oleh itu, pemikiran kritikal ini adalah unsur penting yang perlu ada dalam setiap manusia khususnya para penyelidik. Dalam proses kreatif, satu tanggapan atau kritikan yang tercetus berdasarkan ilmu pengetahuan yang sedia ada akan menghasilkan sesuatu yang baru dengan meneroka cara-cara atau ilmu baru melalui cara berfikir yang baru. Dalam menjana pemikiran kritikal ini, satu ungkapan penting yang perlu adalah ‘Bagaimana kalau’ dan alat-alat sokongan lain iaitu soalan-soalan seperti ‘mengapa’ dan ‘bagaimana’. Ringkasnya, pemikiran kritikal adalah interpretasi sesuatu fenomena secara aktif dan kemahiran serta penilaian terhadap pemerhatian dan perhubungan yang dijalin melalui maklumat dan perdebatan (Max Horkheimer 1982: 244). Kata kunci kepada huraian ini adalah interpretasi dan penilaian terhadap pemerhatian yang dilakukan. Daripada aktiviti sedemikian, akan lahir satu tanggapan baru terhadap pemerhatian yang dilakukan iaitu tanggapan yang membina dan bersifat menambah kreativiti dan organiliti. Maka pemikiran kritikal ini sebenarnya satu proses penjaan kebenaran secara sistematis dan saintifik. Sila lihat skema (Rajah 2), “Pola Asas Pertanyaan” yang dicatatkan oleh Philip Cam, terdapat pergerakan daripada frasa kreatif, kritis dan kepada frasa kritikal seperti berikut:



Rajah 2. Pola asas pertanyaan

Dalam Pola Asas Pertanyaan tersebut menunjukkan bahawa dalam proses pemikiran kreatif, kritis dan kritikal yang dimulakan dengan satu pertanyaan akan membawa kepada beberapa cadangan yang dicituskan oleh idea-idea yang ada. Peringkat ini dikenali sebagai frasa kreatif kerana

di sini bermulanya pandangan-pandangan yang tidak konkrit tetapi berpotensi untuk dibincangkan atau difikirkan. Proses berikutnya membuat pertimbangan baik buruknya sesuatu cadangan disebut frasa kritis. Selepas tahap ini, baru bermula frasa kritikal kerana idea-idea tadi selepas dibahaskan dan dikupas secara saintifik berdasarkan bukti-bukti yang ada sehingga menimbulkan semacam kesimpulan kepada pertanyaan tadi iaitu terhasilnya keputusan atau tergeraknya sesuatu. Menurut pendapat Halpern (1997: 4-5), konsep pemikiran kritikal sebagai penggunaan kemahiran kognitif atau strategi yang meningkatkan kebarangkalian atau kemungkinan sesuatu kesan yang diinginkan. Maka pemikiran kritikal adalah pemikiran yang tepat dan tuntas. Hujah ini disokong oleh Russels (dilihat dalam Diane Halpern 1997: 6), menerusi satu rumus yang dihasilkan mengenai pemikiran kritikal seperti berikut:

Sikap + Ilmu Pengetahuan = Pemikiran Bijak

Rumus tersebut menunjukkan kepentingan unsur sikap (attitude) dan ilmu pengetahuan (knowledge) dalam menghasilkan pemikiran bijak (intelligent thinking). Pemikiran kritikal sebenarnya adalah usaha mendapatkan kebenaran berdasarkan proses yang holistik agar ia dapat dimanfaatkan demi melicinkan suatu agenda. Penyelidik yang menggunakan proses ini untuk memahami sesuatu teks akan berlatih untuk bersikap prihatin dan memahami teks tersebut dengan mendalam dan lebih berkesan. Ini dapat menghasilkan pandangan mahupun jawapan yang lebih intelektual dan mencabar khalayak. Penyelidik dapat membangunkan kemahiran membuat tafsiran secara aktif berdasarkan proses yang dijelaskan. Keadaan ini juga dapat menghidupkan suasana penyelidikan yang lebih mencabar dan bermakna kerana setiap perbincangan tidak lagi stereotaip sebaliknya segar dan baharu.

PROSES KREATIF, KRITIS DAN KRITIKAL (3K) MENGHAYATI KARYA SASTERA

Dalam konteks penyelidikan sastera, pemikiran 3K dapat dijana dengan pensyarah (penyelia) menggerakkan pelajar (penyelidik) mengikut skema dalam Rajah 2 tersebut. Bahan daripada media massa merupakan yang terbaik dalam usaha ini. Pertama sekali penyelia perlu mengupas genre itu dan fokuskan kepada beberapa persoalan penting yang dibincangkan dengan pelajar secara spontan dengan menerima seberapa banyak

pandangan pelajar dan dicatatkan. Berdasarkan pandangan tersebut, penyelia selaku pemudahcara akan melontarkan beberapa andaian atau hipotesis dan meminta pelajar memberi pandangan mereka. Pandangan yang relevan kemudiannya dibincangkan dan dibahaskan untuk mendapatkan buktinya. Setelah itu, satu tanggapan umum dilakukan mengenai persoalan tersebut dan implikasinya. Pada tahap ini, maklumat dari media massa memainkan peranan penting.

Dalam menambah variasi dan menjadikan kajian sastera lebih relevan dengan keperluan zaman sekali gus menjana pemikiran 3K dalam kalangan penyelidik, teknik mengaplikasi struktur dalam genre kepada keadaan realiti yang sedang berlaku perlu dilakukan. Tema, persoalan, perutusan atau pengajaran boleh dijadikan bahan untuk dikaitkan dengan keadaan semasa. Ini bermaksud penyelidik perlu mempunyai pembacaan yang luas agar mereka dapat mengasosiasikan isu dalam karya melalui tema, persoalan, perutusan atau pengajaran dengan isu semasa yang sedang hangat ketika itu atau yang pernah berlaku. Penyelia pula perlu memahami konsep akan setiap perkembangan yang sedang berlaku agar mudah memandu pelajar ke arah objektif kajian yang diharapkan. Secara tidak langsung, pelajar dapat membuat penilaian kritikal terhadap karya yang sedang dipelajari dalam masa yang sama menyedari akan kepentingan sastera Melayu yang sebenarnya menjadi pembimbing kepada diri dalam mentafsir kehidupan kerana sesuatu yang berlaku di luar berkemungkinan berlaku dalam karya sastera mahupun sebaliknya. Penjelasan dapat dijana dengan melihat senario-senario berikut:

Senario 1 (Padanan Zaman)

Novel *SBB* (1971) karya Azizi Haji Abdullah merupakan novel realiti kerana terdapat beberapa persoalan yang pernah berlaku zaman itu diangkat menjadi bahan dalam novel tersebut. Misalnya persoalan perpaduan kaum (Melayu vs Cina), Hak istimewa orang Melayu (Imam Herman + Batin Putih vs Herman), isu kemiskinan (Melayu marhaen) dan tanah rizab Melayu yang dipertikaikan. Penyelidik boleh membuat penilaian persoalan-persoalan tersebut dari segi zaman ia disarankan dan kesesuaian zaman dengan persoalan tersebut. Penyelidik perlu menyemak dan menyelidiki kembali isu semasa sekitar tahun 1970-an dengan merujuk kepada buku sejarah Malaysia, akhbar mahupun makalah yang terbit sekitar tahun tersebut. Daripada penyelidikan itu, mereka akan dapati bahawa persoalan yang dikemukakan sebahagian besar sebenarnya pernah berlaku dan sebahagian lagi belum pernah berlaku. Namun demikian, persoalan-

persoalan tersebut adalah suatu kebiasaan pada zaman sekarang. Perhatikan isu kemiskinan yang cuba diketengahkan menerusi pemikiran kritikal dalam novel tersebut:

Isu Kemiskinan

Azizi banyak menggunakan pengalaman semasa kecil beliau, pengalaman bertani, pengalaman mencari hasil hutan, pengalaman keluarga, pengalaman mengajar di pedalaman Kulim dan pengalaman pembacaan terutama banyak merujuk karya-karya Shahnnon Ahmad sebagai pedoman. Inspirasi ini diterjemahkan oleh jiwa beliau yang seringkali pula memberontak dengan rasa ketidakpuasan, ingin mengkritik dan meluahkan rasa meluat, serta sering dikatarsiskan oleh perasaan bergelodak beliau. Semua mekanisme ini akan dapat diteliti dan dikesan mempunyai signifikan yang terpancar dalam hasil karya beliau. Pembacaan terhadap karya beliau seperti wujud kecenderungan ingin mengangkat masyarakat desa yang bergelumbang kemiskinan. Lantaran itu, dalam aspek sosioekonomi, Azizi memperlihatkan masyarakat desa atau kampung pedalaman Kulim yang kebanyakan didiami oleh orang Melayu masih ketinggalan dalam pelbagai aspek kehidupan. Mereka digambarkan hidup dalam keadaan ekonomi berpendapatan rendah dalam erti kata lain miskin dan menderita⁴.

Kemiskinan desa adalah fenomena sejagat dan banyak kajian dibuat termasuk sebab-musabab dan cara mengatasi masalah tersebut. Seorang pengkaji kemiskinan desa, Paul Streeten (1972) memberi beberapa ciri kemiskinan, antaranya:

1. Dari sudut ekonomi, kemiskinan disebabkan kekurangan pendapatan dan kelebihan penduduk.
2. Kemiskinan disebabkan oleh keadaan pengeluaran yang tidak memuaskan.
3. Kemiskinan disebabkan oleh taraf penghidupan rakyat.
4. Kemiskinan juga melibatkan hal-hal seperti kebolehan, kecekapan dan kemahiran.
5. Kemiskinan juga bergantung kepada sifat dan sikap manusia terhadap pekerjaan dan kehidupan.
6. Kemiskinan rakyat berhubung rapat dengan dasar kerajaan dan institusi yang melaksanakan dasar tersebut. Ciri keenam ini memperlihatkan bahawa dasar pemerintah boleh berperanan dan boleh membasmikan kemiskinan rakyat.

Oscar Lewis (1979) dalam bukunya *The Culture of Poverty*, menganggap bahawa kemiskinan desa sudah menjadi satu budaya iaitu budaya kemiskinan. Mengikutnya budaya kemiskinan ini wujud dalam masyarakat berikut:

1. Di mana terdapat ekonomi tunai, tenaga yang diupah hasil mahsul untuk keuntungan.
2. Di mana terdapat kadar pengangguran yang tinggi.
3. Di mana terdapat upah buruh yang rendah.
4. Di mana terdapat kegagalan mengadakan projek-projek sosioekonomi untuk golongan yang berpendapatan rendah.
5. Di mana terdapat golongan pemerintah yang berusaha mencari harta dan kekayaan peribadi.
6. Perancang keluarga perlu dipergiatkan lagi dalam kalangan orang-orang desa.
7. Rancangan perumahan desa perlu diperbanyakkan lagi.
8. Kerajaan perlu memberi banyak peruntukan kepada projek-projek pembangunan desa.
9. Kerajaan perlu perluaskan lagi projek-projek pertanian dan subsidi yang memadai.
10. Semua agensi kerajaan perlu menumpukan rancangan pembangunan desa.

Berdasarkan dua pandangan ini ternyata selari dengan isu yang diperkatakan Azizi Haji Abdullah dalam beberapa novel dan ulasan beliau tentang kemiskinan masyarakat Melayu desa. Selain itu, Azizi juga berkongsi idea memberikan cadangan yang membina masyarakatnya menerusi aksi dialog watak-watak yang dimunculkan dalam karya. Kritikan dan cadangan Azizi secara jujur bagi menambahbaik sosioekonomi, budaya dan politik orang Melayu melalui dunia kreativitinya kadangkala agak kasar, celupar tetapi itulah luahan dari realiti objektif masyarakat di sekelilingnya. Keseluruhan kritikan Azizi diharap dapat mencari jalan mengatasi kemiskinan di desa. Kebanyakan projek infrastruktur tidak mencukupi di desa kerana perhatian diberikan kepada kota. Ternyata kerajaan yang memerintah bertanggungjawab mengatasi masalah kemiskinan desa. Di samping memberi fokus kepada kemiskinan desa, tumpuan juga harus diberikan kepada isu kemiskinan di kota kerana rakyat menagih agihan pembangunan yang adil dan seimbang dari kerajaan⁵.

Dari perspektif Malaysia, terdapat teori yang dikemukakan tentang kemiskinan desa. Menurut Ungku Abdul Aziz (2007), kemiskinan desa berlaku bersama tiga faktor ini. Pertamanya akibat berlakunya kecuaiian dalam kalangan pemerintah dan rakyat. Kedua, apabila berlaku eksploitasi terhadap hasil para petani dan ketiganya, kesan berlakunya keadaan hasil yang rendah. Daripada definisi kemiskinan yang dibincangkan, kemiskinan merupakan suatu “sindrom situasi” meliputi unsur-unsur kekurangan makanan dan taraf kesihatan yang rendah, pendapatan rendah, pengangguran, keadaan perumahan yang tidak selamat, taraf pendidikan yang rendah, tidak menikmati keperluan moden, pekerjaan yang tidak terjamin, sikap hidup yang negatif dan fikiran yang kolot. Konsep kemiskinan ini terbentuk daripada persekitaran ekonomi dan sosial serta matlamat umum masyarakat yang cuba dicapai melalui dasar anti kemiskinan.

Menurut Syed Husin Ali (1979: 17) pula, kemiskinan orang Melayu sering dikaitkan dengan pemilikan harta dan taraf kehidupan serta struktur susun lapis masyarakat setempat. Bagi orang Melayu pemilikan tanah walaupun hanya ‘sejangkung kera’ dianggap telah berharta dan mempunyai kedudukan yang agak baik dalam sosial masyarakatnya. Beliau juga menegaskan bahawa kemiskinan orang Melayu bukan disebabkan oleh budaya kemiskinan, tetapi halangan struktur mengekalkan kesusahan dan kemiskinan yang dialami orang Melayu⁶. Daripada perbincangan ini, mewajarkan lahirnya golongan miskin desa dan kebangkitan penentangan para petani miskin seperti yang sering digambarkan berlaku dalam karya Azizi Haji Abdullah.

Kesan daripada kemiskinan dan pembangunan yang tidak seimbang di antara desa dan kota juga menyebabkan berlakunya pengangguran di desa, sedangkan di kota diwujudkan pelbagai jenis pekerjaan. Kesan dari pembangunan ekonomi di kota menyebabkan berlakunya migrasi iaitu perpindahan golongan muda ke kota bagi meningkatkan status sosial masing-masing. Fenomena ini jelas dinukilkan oleh Azizi dalam novel *SBB* menerusi watak Malawi. Kedaifan hidup di desa mendorong Malawi berpindah ke kota. Dia meninggalkan kampung yang dijajari dengan pokok-pokok kelapa dan sawah ladang itu adalah semata-mata kerana mencari kehidupan baru. Sawah yang menjadi pesaka sebanyak sembilan relung ketika itu masih dalam gadaian. Mereka cuma dibenarkan mengerjakan tiga relung saja. Tiga relung manalah cukup kalau untuk menampung makan pakainya. Dan bila ibunya wafat kerana kedukaan, ketika itulah timbul niatnya hendak merantau. Akhirnya dia tersangkut di tengah kota Kuala Lumpur (Azizi Haji Abdullah 1971: 4).

Umumnya, perpindahan Malawi ke kota seperti juga perpindahan belia-belia lain ke kota iaitu untuk mencari pekerjaan⁷. Dengan kata lain, perpindahan Malawi ke kota diperlihatkan oleh Azizi bahawa golongan muda seperti Malawi menganggap kota sebagai tempat mengubah nasib. Azizi seperti menemplak sikap belia Melayu yang kurang ilmunya, cepat berputus asa dan malas berusaha. Hal ini ternyata perpindahan Malawi ke kota gagal memperbaiki taraf hidup dan merubah masa hadapannya kerana sikapnya masih tidak berubah. Sikapnya yang kurang bersungguh-sungguh melakukan pekerjaan ditambah pula kurangnya bekalan ilmu pengetahuan untuk berhadapan dengan ‘sepak terajang’ dunia perniagaan di bandar menenggelamkan cita-citanya. Akhirnya, Malawi pulang semula ke desa mengusahakan bendang seperti diminta ayahnya melalui sepucuk surat yang dikirimkan kepadanya. Dia bekerja sebagai pencuci kereta, kemudian berpindah menjadi tukang kebun di sebuah rumah tuan besar. Dia berhenti dari tukang kebun, lalu menangkap tender kantin sekolah. Tapi berniaga bukanlah benih bangsanya. Masuk tahun ketiga dia mengalami kerugian yang teruk. Di tengah-tengah kota yang serba sibuk itu Malawi menjadi seperti cacing di tengah panas. Berhempas-pulas dengan kerja yang tidak tetap untuk mengisi perutnya. Wang haram dan tidak haram sering masuk-keluar. Akhirnya dalam terlunta-lunta itulah dia menerima surat yang memeranjatkan. Surat itu benar-benar mengubah fikirannya. Bunyi surat itu sungguh-sungguh mendesaknya supaya menumpah kembali cintanya terhadap sawah (Azizi Haji Abdullah 1971: 4-5).

Senario 2 (Padanan Pengalaman)

SBB menceritakan pengalaman Azizi sendiri menyaksikan peristiwa-peristiwa penting yang berlaku di sekelilingnya. Beliau melihat sendiri, suasana politik tanah air, tentang ekonomi orang Melayu dan penguasaan ekonomi bangsa Cina dan Inggeris, soal tanah orang Melayu dan betapa tertinggalnya orang Melayu dalam segala bidang. Tambahan pula, dilihat bagaimana pemimpin Melayu pada ketika itu (Tunku Abdul Rahman) sangat bertolak ansur sehingga hak Melayu tergadai. Sikap para pemimpin Melayu yang mengabaikan nasib masa depan bangsanya, Melayu dan di kampung pula, Azizi berhadapan dengan hal keluarga, perebutan tanah pusaka antara ibu dan sepupunya. Sikap ayah Azizi yang tidak mahu ambil peduli kerana tanah itu buka miliknya menyebabkan Azizi menjadi cukup kecewa dan rasa tidak puas hati dengan fenomena yang berlaku. Segala pengalaman ini menimbulkan kesedaran dalam diri Azizi. Sebagai

seorang sasterawan menjadi suatu tanggungjawab moral untuk beliau membela nasib bangsanya, Melayu walaupun menerusi medium kreativiti.

Isu Tanah

Sikap terhadap harta dan wang menjadi kunci kepada kemajuan sosial dan ekonomi masyarakat manusia. Oleh sebab itu, memahami sikap orang Melayu terhadap harta dan wang adalah perlu supaya usaha-usaha boleh dilakukan untuk memperbaiki kedudukan orang Melayu yang miskin dan mundur. Lazimnya harta orang Melayu diperolehi atau diwarisi. Bagi kebanyakan orang Melayu harta dan tanah mempunyai makna yang sama. Tanah menjadi sebahagian besar daripada harta yang dimiliki oleh orang Melayu, oleh kerana sebilangan besar mereka adalah petani. Proses mendapatkan tanah pada dasarnya masih bersifat tradisional. Tanah menjadi sumber atau punca bagi manusia mendapatkan rezeki (bercucuk tanam dan sebagainya). Tanah bagi orang Melayu terutamanya pusaka peninggalan orang tua, menjadi harta yang paling berharga kerana tanah inilah yang menjadi kayu ukur kepada status dan maruah seseorang (Azizi Haji Abdullah 2007: 26).

Tanah menguasai cara berfikir orang Melayu dan hartalah yang kerap menimbulkan perbalahan. Perbalahan begini lazimnya menjadi isu yang penuh emosi. Tuntutan hak terhadap sebidang tanah mungkin menimbulkan pertelingkahan yang melibatkan proses undang-undang dan perbelanjaan yang digunakan untuk mendapatkan keputusan mahkamah mungkin berlipat ganda lebih besar daripada nilai tanah itu. Perasaan kecintaan kepada tanah yang mendalam boleh menjadikan seseorang itu membelakangkan tatasusila kehidupan demi mempertahankan tanah tersebut daripada terlepas kepada orang lain. Hal ini berlaku kepada Malawi yang bersengketa dengan Herman, ayahnya dalam novel *SBB*. Dalam novel ini, Malawi amat kecewa dengan ayahnya kerana sebahagian besar tanah pusaka keluarganya tergadai. Sebagai anak muda Melayu, kekecewaan Malawi itu wajar terjadi kerana sebahagian besar orang Melayu adalah petani dan mereka menganggap tanah sebagai harta yang paling bernilai (Mohd. Aris Othman 1989: 91). Kematian ibu menambah lagi penderitaan batin Malawi menyebabkan dia pergi merantau dan berjanji tidak akan pulang sehingga tanah pusaka keluarganya ditebus semula. Apabila sawah pusaka ditebus oleh Herman, Malawi pulang ke kampung dengan semangat yang meluap-luap untuk mengusahakannya.

Rupa-rupanya semangat cintakan kampung halaman yang disemaikan oleh Imam Haji Abdullah kepada anaknya, Azizi itu cukup berkesan dan

bermanfaat sekali. Azizi mengamal dan menggunakannya semula dalam mencipta kreativitinya dalam *SBB*. Jati diri dan semangat patriotik iaitu berjiwa cintakan kampung halaman tanah tumpah darah sendiri dapat dikesan dengan jelas disalurkan melalui watak tuanya, Herman. Pernyataan Herman sewaktu Malawi pertama kali sampai di kampung menambah rasa cintanya kepada tanah pusaka, “Mulai hari ini, kau dan abang kau kerjakanlah sawah itu dengan baik. Tumpukan tenaga kamu berdua adik beradik. Jagalah tanah sawah pusaka itu. Bapak rasa Kuala Lumpur sudah banyak mengajar kamu bagaimana untuk menyintai tanah ini kembali Lawi” (Azizi Haji Abdullah 1971: 21). Kesedaran yang sama pernah dipesanan ibu Malawi semasa hidup, seperti dalam petikan berikut:

“Ingatlah Lawi, Ramli, Bariah!” ia bagai nampak ibunya sedang berkata ketika tunduk mengerat pokok padi yang masak menguning. “Tanah ini tanah yang subur. Cintailah dia dengan kekuatan urat sarafmu. Gantungkan pengharapan hidup kau disini, dan bila tiba masanya, kau akan berusaha sendiri. Jangan kau lepaskan kelak seperti mana datuk-nenek kau melepaskannya. Kau mesti pertahankan, dan kau mesti cemburu setiap inci akan pesakamu itu. Kau mesti mengerti bahawa hidup kau telah dijanji dengan sawah ini, seperti ia telah berjanji menghidupkan aku dengan nenek-moyangmu. Ini adalah pesaka!” (Azizi Haji Abdullah 1971: 24).

Pengalaman hidup selama beberapa tahun merantau di Kuala Lumpur sedikit sebanyak juga meningkatkan kesedaran Malawi akan pentingnya tanah pusaka. Kehidupannya di tengah kota besar dengan menumpang sewa, kegagalan perniagaannya menambah keperitan dan kesengsaraan dalam membina kehidupan di kota metropolitan. Lantaran itu, Malawi menjadi sedar bahawa berniaga bukanlah benih bangsanya sehingga akhirnya menimbulkan keinsafan pada dirinya. Hal ini bersesuaian dengan pendapat Mohd. Aris Othman (1989: 24 dan 96-98) yang pada intinya menyatakan bahawa bangsa Melayu tertinggal dalam bidang perniagaan berbanding bangsa Cina⁸. Kegagalan orang Melayu dalam bidang ekonomi dipaparkan Azizi menerusi petikan berikut:

Dia berhenti dari jadi tukang kebun, lalu menangkap tender kantin sekolah. Tapi berniaga bukanlah benih bangsanya. Masuk tahun ketiga dia mengalami kerugian yang teruk. Apabila tender dibuka awal tahun, dia tidak berupaya lagi hendak menangkapnya. Sekali lagi dia kehilangan mata pencarian (Azizi Haji Abdullah 1971: 4).

Kehendak ayahnya agar Malawi pulang ke desa untuk menguruskan sawah disahutnya sebagai suatu cabaran. Atas dasar kecintaan pada tanah, permintaan ibu bapa dan pengalaman hidup di bandar, Malawi

berazam untuk mengerjakan tanah pusaka dengan sepenuh hati bersama-sama abangnya yang bernama Ramli dan adik perempuannya, Sabahariah. Sungguhpun begitu, azam itu tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya disebabkan tiga relung daripada sembilan relung sawah pusaka itu masih dikuasai oleh Bani Putih⁹. Bani Putih pun masih menduduki tanah keluarga Malawi di tepi telaga sebagai tapak rumah mereka. Malawi meminta penjelasan bapanya mengenai status sebenar tentang pemilikan tanah pusaka keluarganya. Ketika ditanya, Herman cenderung untuk membiarkan keluarga Bani Putih menyewa tiga relung sawah dan menduduki tanah di tepi telaga bersempadanan rumah orang tuanya:

“Tanah yang bapak tebus tu dah selesai semuanya?” sambil itu dia memerhati wajah cengkung yang sedang membaca dengan asyik. Orang tua itu menutup buku pelan-pelan. “HmMMM, selesai semuanya,” katanya pendek. “Dengan tambak telaga ikan sekali?” lagi Malawi bertanya. Dengan satu nada yang bersahaja dia berkata: “Haaaa, dengan tambak telaga sekali, kenapa?” Malawi memandang di jalanraya, kemudian langsung merenung ke arah sawah. “Tapi Bani Putih yang tinggal di situ?” “Adakah dia tetap tinggal di situ?” tiba-tiba Ramli pun mencelah. “Haa, dia tetap di situ!” dan buku di tangannya sekali lagi dibuka (Azizi Haji Abdullah 1971: 32).

Herman perlu bertolak ansur terhadap golongan pendatang seperti Bani Putih, lebih-lebih lagi Bani Putih sudah lama tinggal berjiran. Bahkan perhubungan mereka seperti sebuah keluarga. Herman juga berasa belas kasihan melihat Bani Putih yang memiliki ramai anak dan dia kluatir mereka akan teraniaya kalau diusir. Sebagai ketua kampung Herman dituntut melindungi semua anak buahnya tanpa mengira status, pangkat mahupun warna kulit. Hal ini menyebabkan Herman mengalami konflik kerana kedudukannya sebagai ketua kampung dan keputusan yang diambil bertentangan dengan kehendak Malawi. Melihat dari kaca mata seorang bapa, Herman diharapkan mengutamakan kesejahteraan anak-anaknya, manakala sebagai imam dan ketua kampung pula, dia diharapkan dapat bertimbang rasa dan memperlihatkan keperluan anak-anak buahnya:

“Sejak dulu dia mengerjakan sawah dan tinggal di situ. Jadi tentulah tidak patut bila kita menebusnya, dia akan kita halau!” “Janganlah bapak gunakan perkataan halau! Barangkali kerana perkataan halau itulah yang menyebabkan ia tidak boleh keluar dari tambak telaga!” Malawi semakin lancar meluahkan tidak setujunya. “Sudah aku katakan, itu kan perkara kecil. Bani Putih Cuma mengerjakan tiga relung dari sawah kita, dan tinggal tambak telaga, itu bukanlah satu perkara yang besar!” “Tiga relung dibenarkan pula,” Ramli macam terkejut. “Apa yang nak dirisaukan. Tanah kita kan banyak. Biarkanlah dia berusaha banyak tu,

dia anak banyak,” kata-kata itu seperti memujuk. Herman memandang muka Malawi dan Ramli seperti meminta kepercayaan penuh (Azizi Haji Abdullah 1971: 33).

Sebagai orang tua, Herman cuba memenuhi harapan kedua-dua peranan itu. Tanggungjawab kepada anak-anak diwujudkannya dalam bentuk menebus harta pusaka keluarga yang tergadai dan tanggung jawab kepada masyarakat pula diwujudkannya dalam bentuk mengizinkan Bani Putih menyewa tiga relung tanah pusaka milik keluarganya. Namun usahanya itu belum dapat memenuhi harapan anak-anaknya, terutama Malawi. Malawi ingin agar keluarganya menguasai semua tanah pusaka, termasuk sawah dan tanah di pinggir telaga yang masih dikuasai Bani Putih. Bantahan itu dirasakan Herman sebagai menggugat tanggungjawab sosialnya sebagai seorang ketua kampung dan imam:

“Aku sebagai ketua kampung, tentu orang akan membuka mata bila aku hambat Bani Putih yang banyak anak itu. Lagipun apakah salahnya dia tinggal di sekelompok tanah itu? Kau berdua jangan bimbang. Segalagalanya aku jamin jika kelakuannya tidak menyenangkan kau,” sambung orang tua itu lagi. “Kalau kau berdua tak suka, aku sanggup menyerahkan kembali tanah ini kepada pemajaknya, biar kau berusaha sendiri mendapatkannya pula!” (Azizi Haji Abdullah 1971: 35).

Ada tiga kedudukan sosial yang mendepani keputusan yang diambil oleh Herman bagi meleraikan konflik yang dialaminya. Sebagai anggota masyarakat Melayu desa, dia dituntut untuk mengutamakan hidup berjiran dan lebih mementingkan aspek kebersamaan, semangat setia kawan dan murah hati (Kartini Masarasa 2001: 46-49). Sebagai orang tua, dia diharapkan untuk menjadi penasihat bahkan kadang-kadang sebagai pemutus tentang betul atau salah daripada segi adab dan nilai kemasyarakatan. Dalam kedudukannya sebagai ketua kampung dan imam pula, beliau adalah pemimpin yang diharapkan oleh orang-orang kampung untuk memberikan kepemimpinan kepada anak buahnya berdasarkan asas kekeluargaan (Syed Husin Ali 1977: 105-110).

Selain perbezaan pendapat dengan bapanya, Malawi juga bercanggah pendapat dengan abang dan adiknya walaupun mereka sama-sama mencintai tanah pusaka. Ramli tidak mahu menggesa atau memaksa bapanya. Dahulu dia pernah membantah penguasaan sebahagian tanah pusaka oleh Bani Putih, namun kerana Herman meminta tidak perlu gusar, Ramli tidak membantah lagi. Oleh itu, cadangan Malawi untuk membincangkan semula masalah tanah dengan bapa diterimanya dengan ragu. Malawi juga berbeza pandangan dengan adiknya. Sama seperti

Ramli, Sabahariah langsung tidak mahu membantah ayahnya. Sebagai anak bongsu, ciri-ciri kemanjaan, kemesraan dan ketaatan jelas terpampang pada wajah Sabahariah terhadap orang tuanya. Sabahariah seorang anak yang amat menghormati pandangan bapanya, dia juga berasa kasihan dengan Bani Putih yang memiliki ramai anak:

“Abang,” kata Sabahariah, tapi terhenti pula. Ia bagaikan berfikir mahu menyusun kata-kata yang elok. “Tanah itu walaupun aku yang punya, tapi tidaklah bermakna aku hendak berkuasa sepenuhnya. Dan aku bangga jika tanah itu dapat kau kerjakan. Tapi aku memikirkan pula tentang Bani Putih”. “Kenapa?” tanya Malawi mendadak. Dia mendekati Sabahariah untuk bercakap lebih pelan. Mana tahu kalau-kalau didengar oleh bapanya. “Bani Putih banyak anak-anaknya. Sudah bertahun-tahun dia bergantung pada tanah itu. Apalah nasibnya jika tanah itu diambil balik? Aku kasihan padanya!” (Azizi Haji Abdullah 1971: 109-110).

Dalam pada itu, kegagalan Malawi memujuk bapanya menyebabkan rancangannya terganggu tetapi dalam hati dia memasang tekad untuk terus memperjuangkan tanah pusaka itu. Peristiwa berikut menggambarkan dilema yang dialami Malawi kerana cita-citanya tidak mendapat sokongan ahli keluarganya:

Perasaan Malawi tiba-tiba terselinap. Luka. Sungguh tersingung dengan kata-kata itu. Dengan apa lagi ia hendak menyatakan tidak setujunya. Pada siapa lagi dia hendak mengadu? Pada abang Ramlinya? Pada Sabahariah? Abang Ramlinya dan Sabahariah dua kali lima juga dengan bapanya (Azizi Haji Abdullah 1971: 50).

Dalam hal yang berkaitan, sikap Bani Putih juga menyumbang kepada peningkatan sikap panas baran Malawi. Peristiwa Bani Putih, tidak mahu mengerjakan sawah bersama-sama dengan petani lain menyakitkan hati Malawi. Sikap tidak mahu bekerjasama ini berpotensi menimbulkan persengketaan sebab kegiatan bersawah padi memerlukan kerja secara berkelompok (Mohd. Aris Othman 1989: 91-92) dan lebih-lebih lagi amalan kerjasama ini telah menjadi budaya sekian lama orang-orang Melayu (Syed Husin Ali 1977: 63; Zainal Abidin Borhan 1997: 25). Secara peribadi, Malawi merasakan bahawa tindak-tanduk Bani putih sering merendah-rendahkan maruahnyanya selaku pemilik tanah. Sebagai buktinya, tanpa kebenaran Bani Putih mengambil ikan, pisang dan kelapa milik keluarga Malawi. Tambahan pula, Bani Putih tidak menunjukkan penyesalan ketika itiknyanya melecurkan semaian padi Malawi. Ingatan dan amaran Malawi supaya Bani Putih membaiki semaian padi yang lecur angkara ternakan itiknyanya tidak pula diendahkan. Ironisnya, situasi yang dipaparkan ini

merupakan gambaran rasa kurang senang Azizi terhadap kaum pendatang yang tidak mahu memahami budaya Melayu dan tidak mengamalkan sikap toleransi kaum sehingga sanggup menyinggung perasaan bangsa lain:

“Tapi Bani Putih yang merosak, mengapa baja kita yang mesti habis?” Malawi mula menyerang. Tapi dia berhati-hati juga supaya kekerasan tidak berlaku. “Bertolak-ansurlah sama. Jangan keras kepala!” Malawi macam mahu melenting. Dia bukan tidak mengerti tolak-ansur, tapi dalam soal ini, bukan caranya. Bani Putih salah. Bani Putih orang menumpang. Bani Putih lalai. Maaf adalah mustahak pada kesalahan pertama, tapi Bani Putih bukan sekali melakukan kesalahan. “Saya tak mahu cara ini. Dia sudah banyak kali salah!” Malawi menegakkan pendiriannya seperti yang dirancangkannya siang tadi (Azizi Haji Abdullah 1971: 68).

Daripada novel ini terlihat bahawa konflik tentang maruah, rasa ingin memiliki dan sumber ekonomi berkait rapat dengan masalah perkauman. Menurut Syed Husin Ali (1977: 146-147) sesetengah bangsa Melayu berpendapat bahawa kemiskinan mereka berpunca daripada orang-orang bukan Melayu. Gambaran stereotaip mengenai orang Cina dalam kalangan orang Melayu ialah bahawa mereka itu ahli peniaga atau taukeh yang senang. Goh Cheng Teik (1987: 143-147) berpendapat bahawa di samping stereotaip bangsa Cina sering menekan, menipu petani dan nelayan Melayu, masalah perkauman juga disokong oleh perilaku ahli-ahli politik menyebarkan isu perkauman untuk mendapatkan sokongan rakyat, lebih-lebih lagi selepas peristiwa 13 Mei 1969¹⁰. Sebenarnya, kesediaan menghadapi cabaran dan kelangsungan survival dalam kalangan masyarakat Melayu adalah rendah berbanding kaum Cina yang mempunyai semangat dan daya saing yang tinggi.

Masyarakat Melayu kaya dengan peribahasa seperti “kalau tidak dipecahkan ruyung masakan dapat sagunya”, begitu juga peribahasa “belakang parang diasah lagikan tajam” tetapi tidak menghayati dan mengamalkannya untuk berjaya. Sinisnya peribahasa “rezeki secupak tidak akan jadi segantang” masih menjadi pegangan mereka selama ini. Masyarakat Melayu juga mempunyai pemikiran (*mind set*) yang berlainan dari segi pencapaian berbanding kaum Cina yang *achievement oriented*, *striving* dan *acquisitive for success*. Menurut ahli falsafah Cina (dipetik oleh Shu Ya Zhang et al. 1995) menyebut:

Achievement consists of never giving up. If you start carving and then give up, you cannot even cut through a piece of rotten wood; but if you persist without stopping, you carve or inlay metal or stone. Earthworms have no sharp claws or teeth, no strong muscles or bones,

and yet above ground they feast on the mud, and below they drink at the yellow spring. This is because they keep their minds on one thing. If there is no dogged will, there will be no shining accomplishment; if there is no dull and determined effort, there will be no brilliant achievement.”

Sebagai sebuah novel yang menceritakan tentang perjuangan seorang pemuda menuntut hak pemilikan tanah dari bapanya, Malawi dilihat mempunyai sikap lebih tegas, berani, berpendirian teguh dan mempunyai kecintaan yang tinggi terhadap tanah pusaka. Imam Herman pula sebagai orang tua pula dianggap sebagai ketua kampung dan imam yang baik, bertimbang rasa, pemurah, warak dan mengutamakan kehidupan bermasyarakat. Azizi mewujudkan sikap yang bertentangan antara bapa dengan anak dan ini dapat dilihat dalam pelbagai situasi. Pertama, Malawi berpegang pada prinsip hak milik sendiri perlu dipertahan. Bapanya pula mengamalkan konsep berhemah masyarakat iaitu hak milik boleh menjadi kepunyaan bersama. Kedua, Malawi menganggap Bani Putih melampau walaupun tanah yang diperjuangkan itu milik adiknya. Bapa pula menganggap Bani Putih hanya menjalankan tugas mencari rezeki bagi menyara hidup keluarga. Ketiga, Malawi menganggap perbuatan bapanya sebagai terlalu lembut dan memberi muka kepada orang asing. Bapanya pula menganggap perbuatannya sebagai ihsan kepada sesama manusia:

Salah apakah kalau sekadar membenarkan orang lain tinggal di tambak telaga? Apakah rugi kalau setandan pisang diambil oleh Bani Putih yang dianggapnya sebagai sedekah? “Habis, apa yang kau mahu?” Tiba-tiba pertanyaan yang tak diduga oleh Malawi keluar dari mulut bapanya. Saya mahu dia menjaga semai saya¹¹. Kalau dia enggan saya akan buat perhitungan. Perasaannya sudah tidak dapat dibendung lagi. “Aku harap kali ini kita maafkan dia. Nanti apa kata orang pula.” Bapak selalu memikirkan tentang kata orang, padahal ini adalah urusan kita!” “Engkau orang muda. Tapi aku sudah tua. Aku ketua kampung. Aku imam, tentu aku berfikir jauh dari yang kau fikir!” “Bapak takut orang kata?” (Azizi Haji Abdullah 1971: 70).

Malawi terus berkonflik dengan bapanya yang mengutamakan Bani Putih sebagai orang luar daripada anaknya sendiri. Isu yang diutarakan ini menyamai maksud yang terdapat dalam Seloka Emak Si Randang¹². Azizi sengaja menjadikan Imam Herman ini sebagai bapa yang berkonflik dengan anaknya. Tekanan dan konflik yang dialami Herman amat berat ditanggung sehingga menjejaskan kesihatan dan pemikirannya. Penderitaan menanggung tekanan dan sikap keras hati Malawi ini akhirnya menyebabkan kematian orang tuanya, Herman. Pada tahap ini, pembaca

tentunya bertanggung jawab bahawa peristiwa kematian orang tuanya memberi kesedaran dan keinsafan kepada Malawi. Dalam hal ini, Azizi menggambarkan perjuangan Malawi untuk mendapatkan hak milik tanah keluarganya masih belum selesai dan tidak berakhir di situ:

“Bapak, aku sudah kembali. Aku tak akan pergi lagi, bapak. Tanah itu akan dikuasai juga, bapak. Aku akan menumpah kecintaanku padanya, seperti yang telah diajar oleh kau dan ibu!” Mari, Bariah. Tak usah menangis lagi. Kami masih ada. Marilah kita tumpahkan kecintaan kita pada sawah seperti kita cinta pada ibu dan bapak!” Sabahariah menurut. Bila agak kejauhan, Sabahariah berpaling melihat ke kuburan kalau-kalau bapanya muncul kembali. Dan di dalam kepala Malawi masih mengangan-angankan bagaimana mahu sawah pesaka yang dikerjakan oleh Bani Putih itu kembali kepada mereka (Azizi Haji Abdullah 1971: 120).

Inilah cara Herman menanamkan semangat cintakan tanah tumpah darah kepada anak-anaknya. Cuma yang berbeza cara penerimaan dan tindakan yang diambil oleh anak-anak bagi melaksanakan kehendak orang tuanya itu. Namun semua itu secara mekanisme bela dirinya merupakan introjeksi bagi menyalurkan tanggungjawab sosial Azizi menerusi karya. Secara simbolik Azizi menyatakan bahawa seseorang warganegara Malaysia harus memiliki semangat patriotik dan berjiwa merdeka iaitu membenci sebarang penindasan termasuklah penjajahan pemikiran. Dalam memperjuangkan hak, Azizi berjaya menonjolkan sifat anak muda seperti Melawi yang tidak mahu berganjak dan berkompromi dengan prinsip perjuangannya. Memahami novel ini memberi petunjuk tentang sifat Azizi yang berprinsip, berani mengambil risiko dan mencintai tanah tumpah darahnya disalurkan melalui protagonis tuanya, Herman dan anaknya.

PENJANAAN PADANAN

Selain dua senario yang dikemukakan sebenarnya terdapat senario-senario lain misalnya, padanan konvensional, padanan nilai dan padanan watak. Padanan yang dibincangkan itu merupakan isu penting yang didapati wujud dalam karya yang dianalisis. Padanan tersebut boleh dikembangkan lagi dan jumlahnya tidak terhad. Berdasarkan proses pemikiran 3K penyelidik boleh mengembangkan lagi cakupan padanan sehingga menjadi satu rangkaian luas dan saling melengkapi. Misalnya, dalam konteks senario ke-2, yang mengupas padanan zaman ia sebenarnya boleh dikembangkan untuk meliputi padanan lain yang berkaitan dengan persoalan kemiskinan

tadi. Bagi padanan zaman, boleh juga wujud padanan nilai, pengalaman, pencapaian dan konvensi seperti Jadual 1 berikut:

Jadual 1. Proses penjanaan padanan

Padanan	Isu dalam novel <i>SBB</i>	Isu Semasa
Zaman Nilai	Novel <i>SBB</i> diterbitkan tahun 1971 Malawi melawan cakap ayahnya, Herman. Dianggap biadap	DEB, Perkauman, Pemuda yang menerima pengaruh moden. Ketelusan dan keadilan
Pengalaman	Latar tempat berlaku di Kg. Bukit Meryam, Kota Kuala Muda, Kedah.	Tempat lahir Azizi Haji Abdullah. Pengaruh kepengarangan.
Pencapaian	Malawi gagal dalam perniagaan di Kuala Lumpur.	Kegagalan DEB membantu orang Melayu. Kurang ilmu pengetahuan, pendidikan rendah
Konvensi	Herman bersikap adil memberikan peluang kepada Bani Putih untuk mengusahakan 3 relung tanah sawah keluarganya.	Herman zalim dan mudah dengan dieksploitasi. Pemimpin yang menjual ketuanan Melayu. Konsep “Ali Baba”

Proses seumpama ini akan merancakkan lagi minat untuk menyelidiki kerana ia tidak mempunyai kesudahan. Sebagai penyelia, pensyarah atau pembimbing selaku pemudahcara harus menyediakan garis pandu dari segi cakupan perbincangan agar dapat difokuskan kepada matlamat kajian. Cuma kreativiti pelajar atau penyelidik dari segi mendapatkan idea tidak harus disekat sebaliknya dibenarkan berkembang walaupun ke dalam kawasan yang dianggap sensitif dan kontroversi. Senario ini penting bagi menghasilkan penyelidik yang kreatif, kritis dan kritikal ke arah pembelajaran yang lebih kompleks aras tinggi dalam Taksonomi Bloom. Penyelidik perlu didedahkan kepada semua kemungkinan dan diberikan peluang untuk membahaskan dan memikirkan sendiri kesan daripada kemungkinan tersebut. Namun demikian, penyelia bertanggungjawab dalam memastikan bahawa persoalan yang dikemukakan itu dibahaskan dan disimpulkan secara konstruktif.

PENUTUP

Kesimpulannya, inti kepada keberkesanan penyelidikan adalah pemikiran kritikal kerana melalui sistem ini, pelajar dapat benar-benar menghayati, memahami, menganalisis dan mengkonseptualisasikan inti dalam kajian

mereka. Proses pemikiran kreatif, kritis dan kritikal selari dengan teori pembelajaran Taksonomi Bloom kerana penyelidik bermula dari peringkat rendah (mudah) hingga ke peringkat kompleks (sukar) dalam kajian mereka. Penyelidikan sastera Melayu pada masa kini dan mempersiapkan diri pada masa hadapan perlu lebih mencabar dan menguji minda, psikologi serta keintelektualisme agar lebih bermakna dan berfungsi. Pemikiran 3K menerusi 6 aras dalam teori Taksonomi Bloom yang dibincangkan merupakan satu cara mencabar kemampuan berfikir, menganalisis, menilai, menaakul dan membuat kesimpulan yang sewajarnya. Proses ini juga menguji kemampuan mental dan menduga psikologi para penyelidik.

NOTA AKHIR

- ¹ Azizi dilahirkan pada 4 April 1942 di Kampung Bukit Meryam, Kota Kuala Muda, Kedah. Memperoleh pendidikan awal di Sekolah Melayu Bukit Meryam sehingga tamat darjah lima pada tahun 1954 dan darjah enam di Sekolah Melayu Kota Kuala Muda. Meneruskan pengajian dalam bidang agama dari tahun 1956 hingga 1965, di Sekolah Agama Dairatul Maarif Al-Wataniah di Kepala Batas, Seberang Prai, Pulau Pinang. Pada tahun 1969, Azizi lulus dalam Sijil Rendah Pelajaran (SRP) dan pada tahun 1971 lulus peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Bertugas sebagai guru agama di Sekolah Kebangsaan Sungai Taka, Serdang, Kedah bermula tahun 1965 hingga tahun 1970. Selepas lima tahun berkhidmat di sini, Azizi ditukarkan mengajar di Sekolah Kebangsaan Ladang Dublin di Kulim, Kedah. Pada tahun 1973, Azizi dipindahkan di Sekolah Kebangsaan Tuanku Abdul Malik, Kulim, Kedah. Kemudiannya, pada tahun 1976 beliau diberi peluang melanjutkan pelajaran di USM dalam bidang penulisan kreatif tetapi tidak berjaya menamatkan pengajian tersebut. Namun begitu, beliau masih mendapat pendedahan dalam bidang penulisan cerpen, novel dan esei kritikan daripada beberapa orang pensyarah termasuklah Shahnnon Ahmad. Huraian lanjut rujuk Azizi Haji Abdullah (2007: 1-5).
- ² Huraian lanjut rujuk Ahmad Kamal Abdullah et al. (1990:425-426).
- ³ Taksonomi berasal dari bahasa Yunani *tassein* bererti mengklasifikasi dan nomos bererti aturan. Taksonomi bererti aturan atau prinsip untuk mengklasifikasi sesuatu perkara. Semua hal yang bergerak, benda, tempat, dan kejadian sehingga sampai pada kemampuan berfikir dapat diklasifikasikan menurut beberapa skema taksonomi (Bloom 1956: 1-5). Sternberg (1997: 164), mentakrifkan pembelajaran sebagai satu proses belajar dan belajar dinyatakan sebagai usaha memperoleh pengetahuan dari persekitaran serta latihan yang berterusan. Pemahaman suatu konsep dan teori dalam sesuatu bab yang dipelajari adalah penting supaya pelajar lebih berminat untuk terus mempelajari topik ini.
- ⁴ Tahun 1970 pendapatan purata isi rumah Melayu RM 177 sebulan, Cina RM 399 dan India RM 310. Kedudukan pada tahun 2007 Melayu RM 3156, Cina RM 4853 dan India RM 3799. Kedudukan ekonomi orang Melayu masih ketinggalan di belakang orang India dan Cina. Keterangan lanjut rujuk Ragayah Mat Zin (2009: 34-38).

- ⁵ Kemiskinan di kawasan luar bandar lebih tinggi iaitu pada tahap 11.4 peratus berbanding 2 peratus yang mewakili kemiskinan di kawasan bandar. Keterangan lanjut rujuk Ragayah Haji Mat Zin (2009: 39-41).
- ⁶ Di Malaysia, penulis pertama yang membincangkan konsep mengenai kemiskinan orang Melayu ialah Zainal Abidin Ahmad (Za'ba) pada Disember 1923. Usaha Za'ba diteruskan lagi oleh Ungku Aziz dan baharulah dikaji oleh Syed Husin sekitar tahun 1960-an dan 1970-an. Huraian lanjut rujuk Siti Masayu Rosliah Abdul Rashid (2008: 21-24).
- ⁷ Kadar kemiskinan yang tinggi mencapai 58.7% pada tahun 1970 dan 50.2% pada tahun 1980 di desa mendesak beliau berhijrah ke bandar bagi mencari peluang pekerjaan yang menjanjikan pendapatan yang lebih tinggi. http://sosiohumanika-jpsk.com/sh_files/File/roslee.zulkifli.ums.pdf. (27 April 2011).
- ⁸ Hanya seorang jutawan Melayu tersenarai daripada 10 jutawan di Malaysia iaitu Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary (Al-Bukhary Foundation) dengan aset RM6.01b. <http://beliamuda.com/tag/10-terkaya-di-Malaysia> (17 Februari 2011).
- ⁹ Bani Putih ialah simbolik kepada kaum Cina yang cuba menguasai ekonomi Tanah Melayu.
- ¹⁰ Isu yang dilontarkan Azizi Haji Abdullah ini selari dengan Shahnnon Ahmad (1972) dalam novel Ranjau Sepanjang Jalan. Shahnnon juga membincangkan dan melimpahkan ketidak puashatian beliau tentang kemiskinan orang Melayu dalam novel tersebut.
- ¹¹ Perkataan ini secara sinisnya membawa maksud kaum pendatang hendaklah menghormati hak-hak istimewa orang Melayu seperti yang dipersetujui bersama sebelum ini. Hak istimewa orang Melayu seperti pemilikan tanah, biasiswa, perkhidmatan awam, pendidikan dan amalan agama.
- ¹² Seloka ini mengkritik seseorang yang mementingkan orang luar dan membelakangi kepentingan diri dan keluarganya. Keterangan lanjut rujuk Harun Mat Piah (1989: 338).

RUJUKAN

- Ahmad Kamal Abdullah, Hashim Awang, Ramli Isin, Sahlan Mohd Saman, Zakaria Ariffin. 1990. *Sejarah kesuasasteraan Melayu*, Jilid II. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizi Haji Abdullah. 1971. *Senja belum berakhir*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Azizi Haji Abdullah. 2007. *Kuras-kuras kreatif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bloom, B. S. 1956. *Taxonomy of educational objectives Handbook I: Cognitive domain*. New York: McKay Co. Inc.
- Fisher, A. & Seriven, M. 1997. *Critical thinking: Its definition and assessment*. New York: Edgepress.
- Foster, M. 1962. *Traditional cultures: and the impact of technological change*. New York: Harper & Bros.
- Goh Cheng Teik. 1987. Perpaduan kaum antara Melayu dengan masyarakat Tionghoa di Malaysia. Kertaskerja Hari 85 Persidangan Sastera Melayu dan Tradisi Kosmopolitan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Halpern, D. F. 1997. *Critical thinking across the curriculum*. London: Laurence Erlbaum Associates, Publishers.
- Harun Mat Piah. 1989. *Puisi Melayu tradisional, Satu pembicaraan genre dan fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang, Zahir Ahmad & Zainal Abidin Borhan. 1998. *Pengajian sastera dan sosiobudaya Melayu memasuki alaf baru*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Horkheimer, M. 1982. *Critical theory*. New York: Seabury Press.
- Kartini Masarasa. 2001. Perbandaran dan psikologi manusia. Abdul Halim Othman, Mohammad Haji Yusuf & Rosnah Ismail (pnyt.). *Koleksi kertas kerja: psikologi dan masyarakat Malaysia semasa III*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Lewis, O. 1979. *The culture of poverty*. New York: Basic Books.
- Mohd. Aris Othman. 1989. *Pengenalan pengajian bandar*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Ragayah Haji Mat Zin. 2009. *Pertumbuhan dengan kesetaraan, realiti dan harapan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Redfield, R. 1930. *Tepoztlan, a Mexican village: a study in folk life*. Chicago: University of Chicago Press.
- Sahlan Mohd Saman & Shaiful Bahri Md. Radzi. 2005. *Persuratan Melayu: Tradisional ke moden*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shahnon Ahmad. 1972. *Ranjau sepanjang jalan*. Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Melayu.
- Shu Ya Zhang, Angela, L & Carrasquillo. 1995. Chinese parent's influence on academic performance. *New York State Association for Bilingual Educational Journal* 10: 46-53.
- Siti Masayu Rosliah Abdul Rashid. 2008. Peluang dan cabaran pendidikan dalam kalangan masyarakat luar bandar: Satu kajian kes isi rumah Melayu miskin di Jajahan Bachok, Kelantan. Tesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Sternberg, R.J. 1997. *Pathways to psychology*. New York: Yale University.
- Streeten, P. 1972. *The frontiers of development studies*. New York: John Wiley & Sons.
- Syed Husin Ali. 1977. *Masyarakat dan pimpinan kampung di Malaysia*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Syed Husin Ali. 1979. *Orang Melayu: Masalah dan masa depannya*. Kuala Lumpur: Penerbit Adabi.
- Tynan, B. 2004. *Your child can think like a genius: How to unlock the gifts in every child*. London: Thorsons.
- Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid. 2007. *Jejak-jejak di pantai zaman*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Zainal Abidin Borhan. 1977. Pemikiran ekonomi Melayu: Persoalan moraliti. Mohd. Razali Agus (pnyt.). *Pemikiran ekonomi Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Abdullah Zawawi Mohd Hairani
Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: abdullahzawawi@ymail.com

Shaiful Bahri Md. Radzi

Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.

E-mail: sbmr@ukm.my

